



22 Ogos 2024
22 August 2024
P.U. (A) 219

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SIBER
(TEMPOH BAGI PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN
SIBER DAN AUDIT) 2024

*CYBER SECURITY (PERIOD FOR CYBER SECURITY RISK
ASSESSMENT AND AUDIT) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SIBER 2024

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SIBER (TEMPOH BAGI PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN SIBER DAN AUDIT) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 63 Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Tempoh bagi Penilaian Risiko Keselamatan Siber dan Audit) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 26 Ogos 2024.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “risiko keselamatan siber” ertinya risiko bahawa kerentanan dalam keselamatan siber bagi infrastruktur maklumat kritikal negara boleh dieksploitasi oleh ancaman keselamatan siber atau insiden keselamatan siber.

Tempoh menjalankan penilaian risiko keselamatan siber dan audit

3. Suatu entiti infrastruktur maklumat kritikal negara yang memiliki atau mengendalikan suatu infrastruktur maklumat kritikal negara hendaklah—

(a) membuat penilaian risiko keselamatan siber sekurang-kurangnya sekali setahun; dan

(b) menjalankan audit sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun atau pada kekerapan yang lebih tinggi sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Ketua Eksekutif dalam mana-mana hal tertentu.

Dibuat 16 Ogos 2024

[MKN(S).10.600-9/2/4 Jld.9 (6); PN(PU2)768]

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri

CYBER SECURITY ACT 2024

CYBER SECURITY (PERIOD FOR CYBER SECURITY RISK ASSESSMENT AND AUDIT)
REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 63 of the Cyber Security Act 2024 [Act 854], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Cyber Security (Period for Cyber Security Risk Assessment and Audit) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 26 August 2024.

Interpretation

2. In these Regulations, “cyber security risks” means the risks that a vulnerability in the cyber security of the national critical information infrastructure may be exploited by a cyber security threat or cyber security incident.

Period to conduct cyber security risk assessment and audit

3. A national critical information infrastructure entity owned or operated a national critical information infrastructure shall—

(a) conduct a cyber security risk assessment at least once a year; and

(b) carrying out an audit at least once in every two years or at such higher frequency as may be directed by the Chief Executive in any particular case.

Made 16 August 2024

[MKN(S).10.600-9/2/4 Jld.9 (6); PN(PU2)768]

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Prime Minister